

PM ajak umat Islam henti polemik agama

UM 21 NOV 2002

KUALA LUMPUR 20 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak umat Islam di negara ini supaya menghentikan polemik agama dan membataskan perbezaan pendapat kepada fahaman politik semata-mata.

Perdana Menteri yakin dengan mengetepikan perbezaan pendapat dalam amalan ibadat dan asas-asas agama, jurang permusuhan di kalangan umat Islam dapat dikurangkan seterusnya merapatkan hubungan saudara seagama.

Bercakap kepada wakil rakyat dan ketua-ketua bahagian UMNO malam ini, Dr. Mahathir berharap ahli-ahli UMNO terutamanya menginsafi hakikat tersebut.

“Sementara kita boleh bermusuh dengan musuh-musuh politik, tetapi kita tidak bermusuh kerana mereka bukan Islam atau kurang Islam.

“Kita cuma bermusuh dari segi politik sahaja,” katanya.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika menyampaikan amanat selepas Majlis Berbuka Puasa Bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini.

Terdahulu Perdana Menteri dan hadirin berjemaah menunaikan solat Maghrib, Isyak dan sunat Tarawih yang diimamkan oleh Sheikh Mohamad Geberil dari Mesir.

Perdana Menteri mengakui sukar untuk mempunyai satu pendapat yang sama apatah lagi dengan jumlah 11 juta umat Islam di Malaysia.

Dalam hal ini, beliau meminta umat Islam berpegang kepada ajaran Islam yang mudah dan bukannya membuat tafsiran berbeza-beza mengenai agama sehingga menimbulkan percanggahan pendapat.

Sepanjang bulan Ramadan ini, Dr. Mahathir berharap umat Islam melakukannya ibadat yang mudah tanpa tokoh-tambah seperti amalan sesete-

ngah pihak menghentikan sementara sunat Tarawih bagi mengadakan tazkirah selepas rakaat keempat.

“Ia tidak pernah diamalkan pada masa dahulu.

“Saya dah tua juga, dah 77 tahun tapi masa dahulu tak pernah dengar perkataan tazkirah, tapi sekarang ada orang buat ibadat baru, masuk rakaat keempat kita berhenti, lepas itu bincang macam mana hendak maki orang lain, saya ingat ibadat dan tarawih kita terbang,” katanya.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan umat Islam di negara ini supaya menginsafi penderitaan saudara mereka di negara lain.

“Sebab itu harus dalam bulan puasa ini kita bukan sahaja tidak makan dan minum, lebih daripada itu kita perlu ingat ajaran yang terdapat daripada amalan puasa kerana ia menyedarkan kita tentang penderitaan,” katanya.